

13 FEB 1998

HENTIKAN ISU PEMILIHAN KETUA BAHAGIAN, KATA IBRAHIM ALI

PASIR PUTEH, 13 Feb (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Ibrahim Ali berkata isu pemilihan ketua bahagian Umno di negeri ini mesti dihentikan segera melalui kata sepakat berasaskan musyawarah dan perpaduan hingga ke akar umbi parti.

Katanya anggota Umno seharusnya memberi perhatian kepada perkara yang lebih penting ketika ini iaitu mengelakkan perpecahan dalam usaha merebut semula pemerintahan negeri ini daripada Pas.

Beliau berkata, kehendak Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya jawatan ketua-ketua Umno bahagian tidak dipertandingkan dalam pemilihan bulan depan, semata-mata untuk mengelak perpecahan yang akan melemahkan parti.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat berkelompok Umno Bahagian Pasir Puteh petang semalam, Ibrahim menyatakan kesalnya terhadap sesetengah pihak yang mendakwa hasrat pucuk pimpinan itu dilahirkan ekoran desakan ketua-ketua bahagian untuk menyelamatkan diri dan kekal memimpin bahagian.

"Anggota Umno hendaklah ingat bahawa jika berlaku perpecahan, amat sukar bagi Umno merebut balik pemerintahan negeri daripada Pas," kata Ibrahim yang juga Ketua Umno Bahagian Pasir Mas.

Pengalaman menunjukkan masa yang lama diperlukan untuk menyatukan semula anggota Umno yang berpecah akibat pemilihan pemimpin, kata beliau.

-- BERNAMA

WM NMO